



Ruj Kami : JANM.BPOPA.600-1/4/1 (14)
Tarikh : November 2020

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

KELULUSAN KHAS PELUPUSAN ASET HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (HLP) YANG MELIBATKAN TAHUN KEWANGAN BERLAINAN - KESILAPAN PERAKAUNAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Surat JANM.BPOPA.600-9/1/1(25), Pelarasan Perakaunan Aset yang Melibatkan Transaksi Tahun Kewangan yang Berlainan bertarikh 13 Februari 2020 adalah berkaitan.

2. Bahagian ini menerima beberapa permohonan Pejabat Perakaunan berkenaan pelarasan mengosongkan item aset di bawah HLP (bukan data baki awal) kepada belanja melibatkan tahun kewangan berlainan yang disebabkan oleh kesilapan perakaunan (*accounting errors*). Tindakan pelarasan bagi situasi ini tidak sesuai menggunakan tatacara yang dimaklumkan dalam surat JANM.BPOPA.600-9/1/1(25) bertarikh 13 Februari 2020 di mana tatacara tersebut adalah untuk tindakan pelarasan aset melibatkan tahun kewangan yang berlainan bagi item aset di bawah HLP terlebih/terkurang nyata kepada belanja dan tindakan pelarasan item aset AUC kepada belanja.

3. Lanjutan daripada itu, tindakan pelarasan mengosongkan item aset di bawah HLP kepada belanja telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Operasi dan Polisi Bil. 2/2020 yang telah diadakan pada 27 Oktober 2020. Hasil mesyuarat tersebut, pelarasan keseluruhan amaun aset HLP kepada belanja melibatkan tahun kewangan berlainan perlu diperakaukan melalui **pelupusan aset secara hapus kira perakaunan (*accounting write off*)** dan dilaksanakan melalui sub-modul pelupusan aset lain-lain di modul perakaunan aset.

4. Sehubungan dengan itu, satu kelulusan pelupusan khas perlu disediakan dan disahkan oleh Ketua Akauntan Kementerian/Jabatan yang akan dijadikan dokumen sokongan pelupusan dalam Borang Tindakan Kerja Pelupusan Aset (JANM – AA – 6.3.2), Manual Prosedur Kerja iGFMS – Lampiran Kepada Modul *Asset Accounting* (AA). Kementerian/Jabatan perlu melaksanakan pelupusan berdasarkan Manual Prosedur Kerja iGFMS (Modul *Asset Accounting*): Prosedur Pelupusan Aset (Lain-Lain). Bersama – sama surat ini dikemukakan kelulusan pelupusan khas **LAMPIRAN A** dan tindakan yang perlu dilaksanakan **LAMPIRAN 1** pada atau sebelum penutupan akhir tahun 2020.

5. Selain itu, Bahagian ini ingin menekankan bahawa pelupusan khas item aset HLP disebabkan oleh kesilapan perakaunan ini **hanya boleh dilakukan dalam tempoh pra peralihan sahaja**. Segala usaha dan kerjasama daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Sebarang persoalan boleh diemelkan ke upaip.bpopa@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI MARIAM BINTI MAT NOH C.P.A. (Aust), C.A.(M))
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
b.p Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k : Pengarah,
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
Seksyen Pengurusan Aplikasi FICO (Unit Pengurusan Pelaburan, Aset Dan Pengkosan)

Pengarah
Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan
Unit Polisi Dan Piawaian

Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan
Seksyen Operasi (Unit Pengurusan Prestasi Dan Pengurusan Maklumat)